

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
(TELOK KEMANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 10.06.2015**

**Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [ TELOK KEMANG ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah Jawatankuasa Fiskal komited dalam menangani isu hutang isi rumah rakyat yang terus meningkat yang mana pada waktu ini mencecah RM 940.4 bilion atau 87.9 % daripada KDNK memandangkan terdapat peningkatan kos sara hidup rakyat yang terus membebankan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Dasar Fiskal (FPC) yang ditubuhkan pada pertengahan Jun 2013 bertanggungjawab ke atas penggubalan dan pengurusan dasar fiskal negara termasuk pengurusan hutang Kerajaan Persekutuan. Mandat utama FPC adalah merangka strategi untuk mengukuhkan kewangan Kerajaan Persekutuan bagi memastikan kemampanan fiskal dan kestabilan makroekonomi jangka panjang. Penggubalan dan pengurusan dasar monetari negara termasuk bagi menangani isu hutang isi rumah dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) di bawah bidang kuasa Bank Negara Malaysia.

2. Kerajaan adalah komited untuk memastikan tahap hutang isi rumah terus berada pada paras yang terkawal. Pihak Kerajaan khususnya Bank Negara Malaysia telah melaksanakan pelbagai langkah progresif bagi membendung kenaikan hutang isi rumah untuk memastikan tahap keberhutangan sektor isi rumah kekal terkawal dan tidak mencetuskan ketidakstabilan kewangan.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahap keberhutangan isi

rumah di Malaysia ialah sebanyak 87.6% daripada KDNK pada suku pertama tahun 2015. Walaupun jumlah hutang isi rumah meningkat, peningkatannya adalah pada kadar yang semakin perlahan berikutan langkah kehematan makro dan fiskal yang telah diambil oleh pihak Kerajaan serta amalan pemberian pinjaman dan pengurusan kredit yang berhemat oleh institusi peminjam. Pada suku pertama 2015, pertumbuhan hutang isi rumah ialah sebanyak 9.2%, berbanding 9.4% pada akhir tahun 2014; 12.2% pada tahun 2013; 12.7% pada tahun 2012 dan 2011 dan 14.2% pada tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Paras hutang isi rumah dijangka kekal tinggi dalam beberapa tahun akan datang memandangkan permintaan berterusan bagi pembiayaan untuk pembelian rumah kediaman dan kenderaan bermotor, memandangkan populasi Malaysia yang secara relatif lebih muda dan tahap pendapatan yang semakin meningkat. Lebih kurang 60% daripada hutang isi rumah adalah untuk tujuan perumahan dan pengumpulan aset

selaras dengan golongan pekerja yang lebih muda dan lebih berkemampuan. Selain itu, keupayaan membayar balik hutang isi rumah kekal mampan dengan nisbah pinjaman terjejas kekal rendah dan stabil pada 1.1%. Aset kewangan isi rumah juga kekal stabil sebanyak dua kali lebih daripada hutang. Manakala, hasil daripada pengukuhan amalan pembiayaan dan penilaian kemampuan membayar, kualiti peminjaman baharu isi rumah juga bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Dalam menangani kos sara hidup, Kerajaan telah menyediakan pelbagai inisiatif untuk membantu rakyat, termasuk menerusi pengagihan bantuan wang tunai dan pembekalan barang dan perkhidmatan secara langsung kepada golongan sasar seperti ibu tunggal yang berpendapatan rendah dan miskin. Inisiatif Kerajaan seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia, Program Bantuan Kembali Ke Sekolah, Baucar Buku 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia dan Klinik 1Malaysia merupakan antara usaha Kerajaan dalam mengurus kenaikan kos sara hidup. Di samping itu, Kerajaan juga telah memperkenalkan Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2010

serta Akta Persaingan 2010 bagi memastikan perniagaan tidak mengambil peluang memanipulasi dan menaikkan harga untuk membuat keuntungan tinggi yang melampau serta peniaga juga tidak terlibat dalam amalan anti-persaingan dan berpaktat menaikkan harga.